

---

**MAJLIS KOMENSMEN INSTITUT AMINUDDIN BAKI KE-21**

---

**PERATURAN DAN PANDUAN****1. BUTIRAN MAJLIS KOMENSMEN**

- a. Majlis akan diadakan pada **tarikh dan masa yang telah ditetapkan** seperti yang dinyatakan pada surat jemputan graduan.
- b. **Semua graduan perlu menyatakan Maklum Balas Kehadiran** melalui pautan <http://gg.gg/komensmen21> **sebelum atau pada 12 Oktober 2020 (Isnin)**.
- c. Sebagai langkah berjaga-jaga bagi memutuskan rantaian jangkitan COVID-19 dan selaras dengan saranan serta arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) berhubung Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) Pandemik COVID-19, **hanya graduan dibenarkan untuk menyertai Majlis Komensmen tanpa kehadiran ahli keluarga graduan**.
- d. Ahli keluarga graduan boleh menyaksikan perjalanan majlis secara langsung melalui **Live Streaming** yang disediakan.
- e. Ahli keluarga graduan tidak dibenarkan berada di dalam dan sekitar Dewan Tuanku Cencelur (DTC) USIM sepanjang hari raptai dan majlis rasmi berlangsung.
- f. Graduan yang dikategorikan sebagai **Patient Under Investigation (PUI)** atau **Person Under Surveillance (PUS)** tidak dibenarkan hadir.
- g. **Tiada gerai jualan dan pameran** diadakan dan dinasihatkan agar para graduan untuk makan terlebih dahulu sebelum masuk ke dalam DTC USIM.
- h. **Sesi bergambar di booth yang disediakan hanya dibenarkan semasa hari pendaftaran iaitu pada 23 Oktober 2020 (Jumaat)** dengan pematuhan kepada **Prosedur Operasi Standard (SOP)** yang ditetapkan.

**2. PENDAFTARAN**

- a. **Pendaftaran dan pengambilan jubah graduan bermula jam 10.00 pagi hingga 12.00 tengah hari pada 23 Oktober 2020 (Jumaat)** di ruang legar DTC USIM (**Lampiran D**).
- b. Graduan perlu hadir untuk pendaftaran dan tidak boleh diwakilkan.
- c. Graduan mesti **menepati tarikh, masa dan program** seperti dalam atur cara majlis (**Lampiran C**),
- d. Dokumen yang perlu dibawa semasa pendaftaran ialah:
  - i. **Tag Nama** (dicetak melalui sistem MPPS); dan
  - ii. **Bukti atau slip pembayaran yang asal**.
- e. Graduan dikehendaki mempunyai aplikasi **MySejahtera** dalam telefon pintar masing-masing dan **mengemaskini status risiko** dalam aplikasi MySejahtera berkenaan sebelum hadir untuk pendaftaran.
- f. Graduan wajib **mengimbas** Kod QR MySejahtera dan menjalani **pemeriksaan suhu badan** di kaunter saringan yang ditetapkan (**Lampiran D**). **Graduan dengan suhu badan melebihi 37.5° Celsius atau bergejala seperti batuk, sakit tekak, selesema dan sesak nafas tidak dibenarkan mengikuti majlis**.
- g. Graduan hendaklah memastikan **tangan dibersihkan (hand sanitizer)**.

- h. Graduan perlu **beratur** semasa menunggu giliran di semua kaunter yang ditetapkan dengan memastikan **penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter** dan sentiasa mematuhi arahan arahan urus setia.
- i. Semua graduan **diwajibkan memakai pelitup muka (facemask)**.

### 3. SYARAT PENYERTAAN GRADUAN, BAYARAN DAN SERAHAN SIJIL

- a. Graduan yang **hadir** perlu membuat bayaran sebanyak **RM150.00** (set jubah akademik, *folder* sijil, gambar dan cenderamata) manakala graduan yang **tidak hadir** perlu membuat bayaran sebanyak **RM50** (*folder* sijil, cenderamata dan urusan pos) kepada:

Nama Bank: **BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD**  
Nama Penerima: **KELAB KEBAJIKAN DAN REKREASI  
INSTITUT AMINUDDIN BAKI BANDAR ENSTEK**  
Nombor Akaun: **05076010004254**

- b. Pembayaran perlu dijelaskan **sebelum atau pada 12 Oktober 2020 (Isnin)**. **Bukti atau slip pembayaran** perlu dimuat naik ke **Google Form Maklum Balas Kehadiran** melalui pautan <http://gg.gg/komensmen21> **sebelum atau pada 12 Oktober 2020 (Isnin)**.
- c. **TUNTUTAN PEMULANGAN BAYARAN:** Graduan yang telah menyatakan persetujuan untuk hadir ke majlis sebelum ini (28 Mac 2020) dan telah membuat pembayaran sebanyak RM150.00 tetapi tidak dapat hadir ke majlis pada tarikh terkini, perlu memuat naik **salinan muka hadapan buku bank** (disahkan oleh Ketua Jabatan) ke **Google Form Maklum Balas Kehadiran**. Pemulangan bayaran akan dilaksanakan dalam **tempoh yang munasabah**.
- d. **Penginapan tidak disediakan** untuk graduan.
- e. Penginapan adalah tanggungjawab graduan sendiri.
- f. **Kos pengangkutan** adalah tanggungan graduan sendiri.
- g. **Tiada cuti khas** untuk menghadiri Majlis Komensmen.
- h. **Tiada wakil dibenarkan** mewakili graduan bagi menyertai Majlis Komensmen.
- i. **Tiada ulangan atau majlis kedua** bagi graduan yang tidak hadir ke Majlis Komensmen.
- j. Bagi graduan yang **tidak hadir**, serahan sijil adalah **melalui pos sahaja** dan graduan perlu **melengkapkan butiran tuntutan sijil** melalui sistem MPPS. Serahan sijil kepada **wakil tidak dibenarkan**.
- k. Transkrip, diploma dan sijil **hanya boleh diserahkan selepas Majlis Komensmen dilaksanakan**.

### 4. TAKLIMAT DAN RAPTAI

- a. Semua graduan yang menyertai majlis ini **diwajibkan menghadiri taklimat dan raptai** yang diadakan pada **23 Oktober 2020 (Jumaat)** bermula jam **3.30 petang** di DTC USIM.
- b. Semua graduan perlu berada di tempat dan masa yang ditetapkan (**Lampiran D**)
- c. **Pakaian** semasa taklimat dan raptai hendaklah **kemas dan sopan** serta bersesuaian dengan majlis.
- d. Graduan **dilarang memakai seluar jeans, selipar dan kemeja-T** semasa taklimat dan raptai.

## 5. PERGERAKAN DAN TATATERTIB GRADUAN

- a. Graduan perlu berbaris dan bergerak dengan penjarakan fizikal di **lokasi yang ditetapkan mengikut susunan yang ditetapkan (Lampiran A)**.
- b. Penggunaan tandas dihadkan mengikut kapasiti penjarakan fizikal yang ditetapkan.
- c. Graduan yang **hadir lewat dari tempoh masa pendaftaran tanpa alasan yang munasabah atau tidak mematuhi peraturan pemakaian** seperti yang telah ditetapkan, **tidak dibenarkan menyertai Majlis Komensmen**.
- d. Graduan diminta **menghormati majlis** di sepanjang majlis berlangsung dengan berkelakuan sopan dan tidak membuat bising.
- e. Graduan adalah dinasihatkan supaya **tidak membawa masuk barang-barang persendirian seperti kamera, telefon bimbit, alat kelui (Pager) atau sebagainya ke dalam dewan**.
- f. Graduan **dilarang mengambil gambar di dalam dewan semasa majlis berlangsung** kerana perkhidmatan Jurugambar Profesional disediakan.
- g. **Graduan kelainan upaya yang memerlukan bantuan peralatan seperti kerusi roda atau pembantu diminta memaklumkan kepada pihak Urus Setia Majlis Komensmen sebelum hari raptai** melalui e-mel [suhajanazer@iab.edu.my](mailto:suhajanazer@iab.edu.my).
- h. Graduan **dilarang meninggalkan dewan semasa majlis sedang berlangsung**.
- i. **IAB berhak untuk tidak membenarkan graduan menyertai majlis sekiranya graduan tidak mematuhi mana-mana peraturan yang dinyatakan bagi memastikan kelancaran majlis**.

## 6. ETIKA PEMAKAIAN DAN SAHSIAH RUPA DIRI GRADUAN

- a. Pakaian graduan semasa raptai hendaklah **kemas dan sopan** serta bersesuaian dengan majlis.
- b. Pakaian **Graduan Lelaki**  
*Lounge Suit*:
  - i. Kemeja lengan panjang;
  - ii. Seluar panjang berwarna **HITAM** sahaja dibenarkan - (*Jeans*, kemeja-T dan pakaian seragam pasukan keselamatan/penguatkuasa **TIDAK DIBENARKAN**);
  - iii. *Kot/ blazer* berwarna hitam;
  - iv. Stokin dan kasut formal berwarna hitam; dan
  - v. Tali leher yang formal dan bersesuaian.
- c. Pakaian **Graduan Wanita**:
  - i. Baju kurung/ kebarung/ moden labuh. Graduan yang mengandungi boleh memakai pakaian yang bersesuaian;
  - ii. Pakaian fesyen berseluar **tidak dibenarkan** sama sekali;
  - iii. Pakaian gaun atau *skirt* melebihi paras lutut, *blaus* tanpa lengan, kemeja-T, kain *pario* dan seluar adalah **TIDAK DIBENARKAN**; dan
  - iv. Kasut hendaklah bertutup penuh yang bersesuaian, menutupi dari bahagian hadapan hingga ke tumit kaki.
- d. Pakaian Kebangsaan lain yang **tidak menepati standard** yang dinyatakan adalah **tidak dibenarkan dan dilarang**.
- e. Set Jubah Komensmen Graduan diuruskan oleh IAB yang terdiri

daripada Jubah, Hood dan Mortarboard. Graduan perlu memastikan jubah berada dalam keadaan bergosok dan kekemasan diberikan perhatian semasa pemakaian.

- f. Kaedah Peminjaman Set Jubah Komensmen:
  - i. Bukti atau slip pembayaran yuran komensmen hendaklah dikemukakan semasa meminjam set Jubah Komensmen; dan
  - ii. Graduan diminta menguruskan peminjaman Set Jubah Komensmen iaitu sebelum raptai.
- g. Set Jubah Komensmen hendaklah dipulangkan sebaik sahaja selesai majlis dilaksanakan dan graduan akan bergerak mengikut susunan dan giliran yang ditetapkan.
- h. **Kegagalan memulangkan set Jubah Komensmen memberikan implikasi penyerahan transkrip, diploma dan sijil kepada graduan berkenaan.**

## 7. HAL-HAL LAIN

- a. Sebarang pertanyaan mengenai Majlis Komensmen ini boleh menghubungi **En. Mazli Hasril bin Hasarudin di talian 06-7979373** atau **Tn. Hj. Suhazanzer bin Suboh di talian 06-7979374**.
- b. Sebarang maklumat terkini akan dimaklumkan melalui medium-medium berikut:
  - i. portal e-Sidang IAB- <http://esidang.iab.edu.my>
  - ii. *Telegram Channel*- <https://t.me/MKIAB21>
- c. **Pihak IAB berhak untuk menambah serta meminda kandungan Peraturan dan Panduan Majlis Komensmen IAB tanpa memaklumkan terlebih dahulu kepada graduan.**

### PERINGATAN:

**GRADUAN DIINGATKAN UNTUK MEMATUHI SEMUA PROSEDUR STANDARD OPERASI (SOP) DAN PERATURAN YANG DITETAPKAN. KEGAGALAN MEMATUHI SOP, PERATURAN, ETIKA PEMAKAIAN DAN SAHSIAH RUPA DIRI YANG DITETAPKAN AKAN MEMBERI HAK KEPADA IAB UNTUK TIDAK MEMBENARKAN GRADUAN MENYERTAI MAJLIS KOMENSMEN INI.**